

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Kaum Cina, India dipelawa sertai Kongres Ekonomi Bumiputera 2024

# Kaum Cina, India dipelawa sertai Kongres Ekonomi Bumiputera 2024

Pendekatan kerajaan turut ambil kira semua lapisan masyarakat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mempelawa masyarakat Cina dan India, khususnya pemain ekonomi serta perniagaan untuk turut sama menyertai Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang dijadual berlangsung hujung bulan ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil sikap sangat terbuka dan mahu menjadikan kongres yang memberikan tumpuan kepada masalah dihadapi Bumiputera itu sebagai inklusif yang turut memberi kepentingan kepada semua la-

pisan masyarakat.

Beliau berkata, walaupun namanya adalah Kongres Ekonomi Bumiputera yang memberi pernampuan kepada permasalahan niaga Bumiputera tetapi kerajaan tidak akan mempertahankan permasalahan membabitkan salah guna dan tumpuan kepada kroni yang diajarkan sebelumnya.

"Jadi, mesti ada kesedian untuk menghadapi perubahan dan menerima cadangan baharu, bukan untuk pertahankan semua yang lama, yang baik kita teruskan, tetapi kaedah kayakan kroni, keluarga, tiga empat kerat, perlu dihentikan. Kita tak akan tolak ansur dengan masalah rasuh, Cina atau India ataupun Melayu. Jangan ambil kata kita akan tumpu pada Melayu atau Cina, saya tak tengok itu."

"Penyertaan dalam kalangan masyarakat dan pemain perniagaan bukan Bumiputera perlu memandangkan ada dasar dan pendekatan dilaksana kerajaan turut mengambil kira semua kaum. Pendekatan kita dalam

Kongres Ekonomi Bumiputera ini lebih inklusif, maknanya kita mahu penyertaan masyarakat Cina dan India dalam membincarakan ekonomi Bumiputera, ada isu SME (perusahaan kecil segerhana) atau kelompok miskin akan kita tangani bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program sambutan Tahun Baharu Cina anguran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCM), di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Faadillah Yusof dan menteri Kabinet lain serta Presiden ACCCM, Tan Sri Low Kian Chuan.

#### Basmi miskin tegar

Anwar berkata, pada minggu depan, beliau akan mengundang pemimpin daripada dewan perniagaan Melayu, Cina dan India untuk bersama memberi pandangan dan input supaya kongres itu tidak terlalu dianggap eksklusif, sebaliknya pendekatan selaras dasar yang le-

bih inklusif tetapi masih mengelakkkan teras mengenai masalah dihadapi orang Melayu dan Bumiputera.

Sementara itu, beliau berkata, fokus kerajaan untuk membantu miskin tegar sudah menampaikan hasil memberangsangkan khususnya di Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Pembasmi kemiskinan terjadi di Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan hampir 100 peratus selesai dan kita tak tanya sama ada keluarga itu Melayu, Cina atau India.

"Di Kuala Lumpur, walaupun jumlah majoriti orang Melayu tetapi jumlah orang India kalau dilihat daripada nisbah penduduknya sangat tinggi. Setiap keluarga India di Kuala Lumpur kita bantu untuk lepaskan daripada garis kemiskinan tegar. Ini pendekatan kita, setiap masalah Melayu, Cina atau India kita selesaikan."

"Ini pendekatan baharu dan pendekatan sama dalam Kongres Ekonomi Bumiputera. Kalau ada garis kemiskinan Bumiputera

atau kelompok tertentu seperti Cina miskin, India estet yang miskin, kita perlu selesaikan sebagai satu program nasional," katanya.

Mengambil contoh usaha kerajaan membahik pulih sekolah daif dan tandas uzur tahun lalu, Anwar berkata, ia dijayakan tanpa mengambil kira kedudukan dan jenis sekolah itu.

"Umpamanya tahun lalu, semua sekolah daif atau tandas rosak seluruh negara, sama ada sekolah Kebangsaan (SK), sekolah (Jenis Kebangsaan) Cina, Tamil atau sekolah agama, sekolah kerajaan atau bantuan mudah, kita bantu semua. Semua sekolah kita bagi, begitu juga klinik desa.

"Jika kita cakap peluang perniagaan, peniaga kecil Bumiputera atau peniaga kecil masyarakat Cina, gerai mereka, itu kita akan tumpu sebagai program dan agenda nasional. Sebab itu saya minta supaya penyertaan dalam kongres ini bukan saja daripada Bumiputera tetapi masyarakat Cina juga," katanya.